

Pusat Alumni UMS jayakan Taklimat MAI 1.0 di UMSKAL

NST 15.2.2018 7

LABUAN: Pusat Alumni Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengadakan Taklimat Model Alumni Inspirasiku (MAI) 1.0 kepada warga alumni UMS yang berkhidmat di Wilayah Persekutuan Labuan baru-baru ini.

Taklimat disampaikan pengarah pusat berkenaan, Darwis Awang bertempat di UMS Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL).

Dalam taklimatnya, beliau menjelaskan MAI 1.0 merupakan pendekatan bijak untuk mengurus alumni UMS yang kini seramai 61,536 orang.

“Sejak MAI 1.0 dilancarkan oleh Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. D Kamarudin D Mudin pada 22 Januari 2018, sambutan para alumni UMS semakin bertambah.

“Matlamat MAI 1.0 ialah untuk menjadikan setiap alumni UMS kekal relevan melalui konsep keterlihatan dan keterlibatan dalam memangkin perubahan serta pembangunan masyarakat di dalam dan luar negara,” katanya.

Menurut Darwis, apabila alumni UMS terus menerus terlihat dan terlibat oleh masyarakat sebagai penggerak perubahan yang aktif, sudah tentu UMS terus tersohor dan relevan dalam menghasilkan sumber manusia yang berketrampilan, berdaya saing dan berwawasan seiring den-



HADIR Antara yang hadir pada taklimat itu.

gan agenda kerajaan ke arah menjayakan Transformasi Nasional 2050 (TN50).

“Sebagai makluman, mesyuarat penyelarasan dan pelaksanaan MAI 1.0 ini telah dibuat bersama semua Fakulti, Kolej Kediaman dan Jabatan Hal Ehwal Pelajar di UMS pada 1 Februari 2018,” jelasnya lagi.

Hadir sama pada majlis itu, Timbalan Pendaftar Kanan UMSKAL, Zamri Mohammad Tuah mewakili Pengarah UMSKAL; Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Fakulti Kawangan Antarabangsa Labuan (FKAL), Dr. Mohd. Fahmi Ghazali; dan Timbalan Dekan Penyelidikan dan Inovasi FKAL, Dr. Mohamad Rizal



TAKLIMAT Darwis ketika menyampaikan taklimat MAI 1.0.

Abdul Hamid.

Turut hadir Ketua Program Teknologi Multimedia, Dr. Carolyn Salimun mewakili Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Fakulti Komputeran dan Informasi (FKI) dan dan Ketua Chapter Alumni Labuan, Samsulbahri Mohd. Nasir yang juga pensyarah FKAL.